

# PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI NEGERI PERAK

## KERAJAAN NEGERI PERAK MELALUI DIGITAL PERAK AKAN MENINGKATKAN PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

IPOH, APRIL 8, 2021 — Selaras dengan saranan YAB Menteri Besar Perak dalam Executive Talk dan Perutusan Tahun Baru 2021 bersama Penjawat Awam Negeri Perak supaya kerajaan negeri memberi penekanan dalam memudahkan cara usaha mempercepatkan ketersediaan infrastruktur digital di negeri Perak, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai inisiatif di peringkat negeri dan agensi di bawahnya.

Antaranya, inisiatif bagi menambah baik kelulusan pembinaan struktur di bawah Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) yang mewakili Kerajaan Negeri selaku Agensi Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi (APIT) yang bertanggungjawab untuk merancang, menasihati, mengurus, memantau, mengaudit dan mengawal selia infrastruktur telekomunikasi di negeri Perak.

Langkah-langkah penambahbaikan yang bakal diumumkan dan akan dilaksanakan termasuklah pembangunan Sistem Pengurusan Infrastruktur Telekomunikasi (TIMS), iaitu satu pangkalan data untuk memudahkan pemantauan pembangunan infrastruktur telekomunikasi, perancangan struktur telekomunikasi baharu dan Pemantauan Penunjuk Prestasi (KPI) Deployment Partner serta penempatan Plak Identifikasi Struktur Telekomunikasi pada setiap tapak struktur bagi memudahkan pemantauan struktur telekomunikasi haram dan aduan struktur persekitaran oleh penduduk sekeliling.

Selain itu, APIT turut sedang mengkaji cadangan bagi pengeluaran Sijil Pembaharuan Permit yang akan dikeluarkan kepada Pemilik Struktur Telekomunikasi dalam memastikan bahawa struktur tersebut dapat membuktikan kesahihan permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah & Galian (PTG).

Usaha-usaha baharu ini dijangka akan dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed dalam satu sidang media, sempena Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi (JPIT) Negeri Perak, pada hari ini.

Hadir bersama dalam sidang media, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan dan Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Perak, Zairulnahr Bin Zakaria.

Khairul Shahril berkata, Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa setiap struktur telekomunikasi yang beroperasi di negeri Perak perlu mematuhi polisi dan dasar kerajaan negeri termasuklah memiliki permit yang sah daripada pihak PBT & PTG.

"Pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi secara sah adalah amat penting bagi mengurangkan segala risiko keselamatan serta perkara-perkara yang tidak

Dalam pada itu, pembinaan struktur telekomunikasi secara sah juga dapat menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat seperti pihak Kerajaan Negeri, PBT, syarikat telekomunikasi dan juga masyarakat setempat," katanya.

Oleh demikian, Digital Perak juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan SKMM Perak dalam usaha pelaksanaan Program Pemutihan Struktur Telekomunikasi bagi memastikan setiap struktur telekomunikasi yang beroperasi di negeri Perak mematuhi polisi dan dasar kerajaan negeri.

"Peningkatan infrastruktur telekomunikasi ini secara langsung dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri melalui peningkatan kecekapan penyampaian maklumat dan perkhidmatan secara digital, mengurangkan kos perniagaan, meningkatkan taraf hidup rakyat yang seterusnya menjadi pemangkin utama bagi memastikan ekonomi digital dapat dimanfaatkan sepenuhnya," kata Meor Rezal Fitri.

